

14 MAY 2001

Mahathir-India

M'SIA MENARUH HARAPAN BEKERJASAMA DENGAN INDIA HADAPI GLOBALISASI

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia menaruh harapan untuk bekerjasama rapat dengan India bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Perdana Menteri berkata globalisasi juga ialah tajuk yang menarik minat India dan Malaysia memandangkan kesan globalisasi bukan hanya dirasai dalam bidang ekonomi sahaja.

"Struktur politik dan komposisi sosial sesebuah negara juga tidak terlepas atau kebal daripada kesan globalisasi," kata beliau ketika berucap pada majlis jamuan rasmi meraikan Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee di Seri Perdana di sini malam ini.

Vajpayee tiba semalam untuk lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata globalisasi dijangka meningkatkan semangat salingbergantungan di kalangan negara-negara kerana aktiviti ekonomi dan politik mereka berkait antara satu sama lain.

"Bagaimanapun, amat malang sekali, negara-negara membangun tidak dapat berkongsi manfaat globalisasi secara adil dan sama rata," kata beliau.

Mengenai lawatan itu, Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa Perjanjian Dua Hala dan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani semasa lawatan akan memberi galakan lanjut untuk meningkatkan lagi kerjasama antara Kuala Lumpur dan New Delhi.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati bahawa India kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia di Asia Selatan dengan perdagangan dua hala berjumlah hingga RM10.07 bilion tahun lepas.

"Walaupun imbalan perdagangan menguntungkan Malaysia, Kuala Lumpur berharap imbalan itu dapat dirapatkan melalui perluasan dan mempelbagaikan perdagangan keseluruhan antara kedua-dua negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ketika India dan Malaysia menaruh harapan untuk memupuk hubungan perdagangan, kedua-dua negara juga harus bersedia menghadapi persaingan ke tahap tertentu tanpa tunduk kepada politik perlindungan perdagangan.

Menurut Dr Mahathir, dengan pelaksanaan Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), kesan daripada pembukaan pasaran domestik tentu akan meningkatkan persaingan domestik dalam sektor tertentu yang industri tempatan yang secara tradisi menerima subsidi kerajaan.

"Sememangnya, ini telahpun berlaku apabila menghadapi kesulitan dalam eksport minyak sawit Malaysia ke India, yang bukan sahaja menghadapi persaingan oleh pengeluar hasil kelapa dan kempen anti minyak sawit tetapi juga kenaikan tarif yang dikenakan ke atas minyak sawit berbanding minyak masak yang lain," kata beliau.

Mengenai pelaburan, Dr Mahathir berkata Malaysia menyambut baik dasar liberalisasi India terhadap ekonomi domestiknya.

Sehingga ini, pelaburan terkumpul Malaysia di India, yang kebanyakannya dalam sektor infrastruktur seperti lebuh raya, projek pembangunan janakuasa dan pembangunan moden ialah RM1.7 bilion.

"Daripada pihak India, kita ingin menarik perhatian bahawa sejak 1995, sejumlah 38 projek industri dengan pelaburan modal berjumlah RM669.5 juta telah diluluskan," kata beliau.

Perdana menteri berkata Malaysia juga gembira kerana Indian Railway Construction (IRCON) sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan landasan kereta api di Malaysia, yang dijangka siap pada Jan 2002.

Mengenai isu-isu antarabangsa, Dr Mahathir berkata lawatan Vajpayee tidak syak lagi akan memperkukuhkan hubungan bukan sahaja antara India dan Malaysia tetapi juga antara India dan negara-negara di Asia Tenggara.

"Ketiadaan konflik antara negara-negara anggota Asean dan India serta pandangan bersama mengenai pelbagai isu berkaitan keamanan dan kestabilan serantau telah mempermudah kerjasama dalam pelbagai forum antarabangsa," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV RV FAZ